

# Penyelidik UPM menang anugerah vaksin veterinar

**D**EKAN Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Mohd. Hair Bejo** baru-baru ini memenangi anugerah Persatuan Ternakan Ayam Itik Veterinar Sedunia-Merial (WVPA-Merial) Anugerah Pemvaksinan Dalam Inovasi hasil kejayaan penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan vaksin penyakit *Gumboro* (*Bursal Disease Vaccine*) di Asia.

Anugerah disampaikan ketika mesyuarat WVPA yang diadakan di Manila, Filipina.

Dr. Mohd. Hair ialah individu kedua memenangi anugerah itu yang mula diperkenalkan tahun lalu. Ia diberikan kepada ahli veterinar atau ahli sains kesihatan unggas yang memberi sumbangan bermakna dalam bidang inovasi dan vaksinasi ayam itik.


Sambil melahirkan rasa syukur atas pencapaian itu, beliau menyatakan tidak menduga akan memenanginya.

"Ia sebenarnya adalah pengiktirafan antarabangsa terhadap ahli sains di rantau ini berhubung sumbangan mereka dalam penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan produk untuk faedah manusia sejagat," katanya.

Presiden WVPA, **Nigel Horrox** dipetik sebagai berkata, pihaknya mempunyai pemenang yang sememangnya layak memenangi anugerah tahun ini iaitu Dr. Hair.

*Gumboro* adalah penyakit yang menyebabkan kematian ayam yang tinggi dan *immunosuppression* (hilang daya tahan). Sekiranya unggas itu tidak mati, ia kehilangan daya tahan dan akan mati jika diserang penyakit lain.

Dr. Hair berkata, virus



**VAKSIN yang dihasilkan oleh Dr. Mohd. Hair Bejo.**



**DR. MOHD. HAIR BEJO**

*Gumboro* baharu yang sangat getir (virulent) muncul di dunia pada 1980-an, manakala di Asia pada 1990. Menurutnya, vaksin yang ada ketika itu tidak memberi perlindungan sepenuhnya kepada ayam menyebabkan perlunya kepada vaksin baharu.

Katanya, vaksin penyakit *Gumboro* atau MyVAC UPM93 itu mula dibangunkan pada 1993 dan dikomersialkan pada 2005. Vaksin itu hanya perlu dimasukkan ke dalam air minuman ayam.

Katanya, sehingga 2012, sebanyak 80.46 juta dos vaksin itu telah dijual di negara ini manakala sebanyak 8.68 juta dos dijual di Myanmar dari 2011 hingga 2013. Vaksin itu turut dijual di Vietnam.

Pada 2015 pula, vaksin tersebut telah dikomersialkan dengan pengamalan pemvaksinan di tapak penetasan atau pemvaksinan hari pertama ayam menetas, satu amalan pemvaksinan ayam yang lebih berkesan.

Bagi terus membangunkan Vaksin IBD, katanya, penyelidikan kini dilakukan bagi menghasilkan generasi baharu vaksin seperti recombinant, reverse genetic dan transgenic plant vaccines.

Menurutnya, penyelidikan berkenaan sudah dilakukan di peringkat makmal, sebelum dilakukan di peringkat ladang.